



PENDIDIKAN

Muka B4

SK Pekan Satu
Labuan anjur
Tadarus Al-Quran



Laman web UMS tingkat kedudukan dalam Webometric

UB 07/09/2011 B3
Oleh SITI AISYAH NARUDIN
aisyahub@gmail.com

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) sentiasa menunjukkan peningkatan kedudukan setiap tahun dalam Webometric sebagai laman web yang sentiasa diakses.

Naib Canselor UMS, Briged Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Ampon berkata, setakat Julai lepas, UMS berjaya mencapai kedudukan 1,419 berbanding lima tahun lepas di kedudukan menghampiri 4,000.

Menurutnya, peningkatan yang memberangsangkan itu jelas membuktikan informasi di laman web UMS sentiasa diakses, dicapai dan diiktiraf oleh masyarakat global.

“Usaha beginilah yang perlu diperkukuh dan

diteruskan seiring dengan kemajuan Komunikasi Teknologi Maklumat (ICT) yang memberi perubahan besar dalam melicinkan sistem tadbir urus di universiti ini.

“Selain itu, UMS juga tidak ketinggalan dalam mengikuti ledakan budaya internet versi dua seperti laman sosial ‘facebook’,” katanya ketika berucap merasmikan majlis Pelancaran Laman Web Baru UMS, kelmarin.

Beliau berkata, sebagaimana Perdana Menteri menggunakan pendekatan mendekati rakyat melalui ‘facebook’, UMS juga mengambil pendekatan sedemikian bagi mengeratkan lagi hubungan dengan masyarakat umum khususnya dalam kalangan generasi muda.

Tambahnya, bersamaan dengan pelancaran laman web berkenaan,



RASMI...Kamaruzaman (dua kanan) bersama Effendy (kiri), Kasim (dua kiri), dan Ann (kanan) ketika pelancaran laman web berkenaan.

pihaknya turut akan memperkenalkan laman rasmi ‘facebook’ UMS sebagai ruangan untuk

berkongsi pendapat dan membuka minda seluruh masyarakat.

“Laman ‘facebook’ UMS

akan dipaparkan dalam laman web UMS dan bukan setakat itu, UMS juga akan memasukkan video UMS

dalam ‘youtube’.

“Saya berharap transformasi baru ini dapat memberikan manfaat kepada seluruh warga UMS khususnya dan masyarakat dunia amnya agar segala mesej yang ingin disampaikan dapat difahami dengan berkesan dan tepat,” jelasnya.

Kamaruzaman berkata, kali terakhir laman web UMS diperbaharui adalah pada 1 Julai 2009 dan ini transformasi kali keempat yang dibuat sejak UMS ditubuhkan.

Sementara itu, Pemangku Ketua Unit Media dan Teknologi Pendidikan (UMTP) UMS, Effendy Hadis berkata, laman web baru itu akan menyediakan ruangan banting elektronik atau iklan elektronik dalaman yang lebih luas, klasifikasi dan pengumpulan maklumat yang mudah difahami serta kepadatan maklumat yang

lebih relevan.

Katanya, uniknya transformasi kali ini, ia bukan sahaja melibatkan perubahan kulit luar semata-mata, tetapi turut memperbaharui struktur urus tadbir laman web yang lebih mantap.

“Kini laman web UMS akan dipantau oleh dua jawatankuasa kecil iaitu jawatankuasa teknikal web dan jawatankuasa pengurusan laman web. “Pelantikan untuk webmaster Jabatan, Pusat, Sekolah, Institut, dan Unit (JPSIU) UMS juga baru sahaja diperbaharui dengan majoriti ahli baru,” katanya.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Prof. Madya Dr. Kasim Mansur dan Pengarah Institut Penyelidikan Bioteknologi UMS, Prof. Datin Seri Panglima Dr. Ann Anton.